

Jangan Berakhlak Buruk

Abdullah bin Mas'ud RA meriwayatkan hadis secara *marfu'*:

لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالطَّعَّانِ، وَلَا اللَّعَّانِ، وَلَا الْفَاحِشِ، وَلَا الْبَدِيِّ

Maksudnya: "Bukanlah sifat mukmin sejati yang banyak mencela, suka melaknat dan yang berbuat keji serta bercakap kotor."

Riwayat al-Tirmizi dan dia menghasankan hadis ini. Dan disahihkan oleh al-Hakim. Dan ditarjihkan oleh al-Daraqutni bahawa hadis ini *mauquf*.

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Mafhum hadis yang lain: *Orang Islam itu ialah siapa yang golongan Islam yang lain selamat daripada lidahnya dan tangannya.* Hadis ini menunjukkan bahawa sikap seperti memaki hamun, mengumpat, mengeji dan bahasa yang kasar tidak diiktiraf oleh Islam, bahkan ianya amat jauh daripada norma kemanusiaan apatah lagi keIslaman.
2. Sebahagian ulama menganggap ianya antara dosa besar dan sifat seperti di atas boleh membawa kepada rosaknya hubungan dengan masyarakat hatta kaum keluarganya. Kerana manusia amat tidak suka kepada yang suka mengejek, mengadu domba dan bercakap yang tidak baik.
3. Rasulullah SAW menyebut di sini dua sifat yang sekali-kali tiada dalam kamus orang yang beriman iaitu menghina dan mencerca. Begitu juga dengan melaknat kerana kedua-duanya menggambarkan seseorang itu telah krisis dalamannya dan hati sanubarinya. Justeru, lahirilah ucapan yang tidak

memberi sebarang manfaat. Imam al-Zahabi di dalam kitabnya *al-Kabair* memasukkan sifat ini di dalam dosa-dosa besar.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Aktham bin Soifi berkata:** Orang yang rendah dan hina itu ada empat. Tukang fitnah, pendusta, orang yang berhutang dan anak yatim.
- ❖ **Pujangga berkata:** Enam hal yang memberi kesembuhan: Agama, ilmu, kekayaan, harga diri, keampunan dan kesihatan.

Kisah Teladan

Ahli sejarah berkata: Ketika Abu Bakar al-Siddiq RA sudah hampir mendekati kematian, beberapa orang datang membawa kain baru. Dia bertanya: Untuk apakah kain ini? Ketika itu, dia dalam keadaan sakaratul maut.

Mereka menjawab: Kami menjadikannya sebagai kain kafanmu. Abu Bakar RA menjawab: Tidak. Orang yang masih hidup lebih layak memakainya berbanding orang yang telah mati. Aku ini bakal mati. Jika aku mati, maka cucilah pakaianku ini (pakaian yang usang yang telah lama dipakainya, tetapi ia sering dipakai semasa berjihad, bersedekah, membaca al-Quran dan bertasbih) lalu jadikanlah ia sebagai kain kafanku.

Sebelum menghembuskan nafas terakhir, dia juga sempat berkata: Serahkanlah pakaianku yang satu lagi, baghal dan unta itu kepada Umar, serta katakanlah kepadanya: Wahai Umar, bertakwalah kepada Allah. Semoga kamu tidak mengalami kesusahan dalam kematian seperti yang aku alami sekarang ini.

Sebaik sahaja mereka tiba di hadapan Umar RA dan menyerahkan hadiah dan pesanan itu kepadanya, dia terus menangis sambil berkata: Kalau begini keadaannya, para khalifah setelah kamu akan sukar menteladanimu, wahai Abu Bakar?